



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Aras 1, 6 & 7, Blok E13, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel. :03 88841002  
Faks :03 88841034  
Laman Web :[www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.600 12/1/4 JLD 4 ( )  
Tarikh : 11 Oktober 2019  
12 Safar 1441H

### Big Tree Academy Malaysia

*Malaysia International Mathematical Arithmetic for Schools (MiMAS)*

49B Jalan Bayu Tinggi 7

Taman Bayu Tinggi

41200 Klang

Selangor Darul Ehsan

(U.p.: En. Goh Swee Hong)

Tuan,

### KELULUSAN MENGADAKAN PERTANDINGAN *EDUKIDS MATHEMATICS CONTEST (EMC) 2019*

Dengan hormatnya surat daripada pihak tuan mengenai perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat berbesar hati dan mengalu-alukan inisiatif dan perkongsian pintar bersama pihak agensi luar termasuk agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), syarikat korporat, pihak antarabangsa dan sebagainya dalam penganjuran program/aktiviti berunsurkan pendidikan melibatkan murid dan guru sekolah KPM. Usaha ini juga memberi ruang kepada pihak luar mengupayakan tanggungjawab sosial korporat (*Corporate Social Responsibilities*) mereka dalam membantu KPM mengoptimumkan potensi semua pihak yang terlibat dalam usaha pembangunan modal insan seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025).

3. Sehubungan dengan itu, setelah meneliti surat permohonan tersebut, Kementerian ini **tiada halangan** memberi **kelulusan** kepada penganjur untuk mengadakan ***Edukids Mathematics Contest (EMC) 2019*** di peringkat sekolah. Pertandingan ini **terbuka** kepada murid sekolah-sekolah rendah Kementerian Pendidikan Malaysia.

4. Walau bagaimanapun, kepatuhan kepada dasar-dasar yang berkaitan yang sedang berkuat kuasa serta aspek kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan murid hendaklah diutamakan selaras dengan ketetapan berikut :

- i. Mendapat kebenaran daripada Pengetua/Guru Besar sekolah-sekolah yang terlibat;

- ii. Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;
- iii. Murid dan guru serta pihak sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;
- iv. Ibu bapa atau penjaga murid yang terlibat perlu memberikan kebenaran secara bertulis;
- v. Penglibatan murid perlu diiringi oleh guru sekolah berkenaan;
- vi. Penglibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka; dan
- vii. Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan.

5. Kelulusan ini adalah hanya untuk penganjuran program ***Edukids Mathematics Contest (EMC) 2019***. **Pengiktirafan kokurikulum mengikut peringkat pelaksanaan hanya akan dikemukakan setelah Bahagian ini menerima laporan penuh program.** Pegawai Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia, Puan Norhayati Binti Mustafa di talian 03-8872 1625 / emel: [hayati.mustafa@moe.gov.my](mailto:hayati.mustafa@moe.gov.my), sedia membantu untuk memberikan penjelasan lanjut.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ZAINAL BIN ABAS)**

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia

NM/nm

- s.k.
- 1. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Sekolah)  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  - 2. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  - 3. Semua Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri